

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.03.2016

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak kewangan dan operasi ke atas syarikat-syarikat kaitan Kerajaan (GLC) dalam suasana ekonomi hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, antara prinsip yang ditekankan dalam Program Transformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCT) adalah setiap GLC perlu menumpukan kepada pencapaian prestasi yang

berupaya mewujudkan nilai ekonomi dan nilai tambah kepada pihak berkepentingan atau *stakeholders* (dengan izin) terutamanya kepada pemegang saham.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, keadaan ekonomi global yang tidak menentu ini telah sedikit sebanyak memberi impak kepada pendapatan GLC akibat daripada aktiviti ekonomi yang lebih perlahan dalam sektor-sektor tertentu seperti minyak dan gas, serta komoditi.

Bagi tahun kewangan 2015, keuntungan bersih G20 susut 16% dari tahun ke tahun (daripada RM28.1 bil pada tahun kewangan 2014 kepada RM23.6 bil pada tahun kewangan 2015) (tanpa Malaysian Airlines Bhd atau MAB).

Namun demikian, dalam persekitaran ekonomi yang tidak menentu pada tahun kewangan 2015, pertumbuhan keuntungan bersih G20 (tanpa MAB) kekal pada trajektori yang positif pada Kadar Pulangan Terkumpul Tahunan (*Compound Annual Growth Rate* atau CAGR) 8.7% sejak permulaan Program GLCT pada 2004.